

21 NOV 1996

PRESIDEN PERU HADIR TAKLIMAT EPU

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Presiden Peru Alberto Fujimori pagi ini menghadiri taklimat mengenai perancangan ekonomi Malaysia di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri di sini.

Fujimori yang mengetuai 40 anggota rombongan, termasuk beberapa menteri kabinet dan ahli perniagaan, diberikan penerangan selama sejam mengenai dasar dan pembangunan ekonomi negara oleh Timbalan Ketua Pengarah EPU Datuk Dr Samsuddin Hitam.

Presiden itu yang mengadakan lawatan rasmi tiga hari, masuk hari kedua hari ini, kemudian mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri. -- BERNAMA

JM RON